

24/10/2002

Tioman bakal berwajah baru

Sariha Mohd Ali

PERISYTIHARAN Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai mulai 1 September lalu, bakal merubah keseluruhan wajah pulau peranginan terkemuka dunia itu, sekali gus meletakkan Pahang di peta destinasi pelancong antarabangsa.

Jika sebelum ini, Tioman hanya menjadi tumpuan pelancong yang menggemari dunia dasar lautnya, perisytiharan berkenaan akan menjadikan Tioman sebagai pulau yang memiliki segala kelengkapan diperlukan pelancong.

Masih mengekalkan keindahan hidupan di dasar lautnya, Tioman akan dilengkapi kemudahan prasarana pelancongan, terutama pusat beli belah bagi memberi pilihan menarik kepada pelancong dari dalam dan luar negara yang mengunjungi pulau berkenaan.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman (TDA), Hashim Mat Tahir, berkata Kerajaan Pusat meluluskan RM30 juta, Ogos lalu sebagai geran permulaan kepada TDA untuk membangunkan prasarana di Tioman sejajar status barunya itu.

Beliau berkata, peningkatan kemudahan asas dan infrastruktur di Pulau Tioman itu perlu kerana jumlah pelancong yang bakal memasuki pulau itu dijangka lebih ramai, berbanding sekarang.

Katanya, antara projek yang sedang dan akan dibangunkan termasuklah pembinaan jalan raya, laluan pejalan kaki, membaik pulih jeti, pembersihan sungai dan penempatan semula penduduk di atas tanah rizab kerajaan.

"Pembangunan di Pulau Tioman perlu dilakukan secara terancang kerana pulau peranginan itu sudah diwartakan sebagai pulau taman laut pada 1996. Jadi, segala projek yang bakal dibuat, dikenakan sekatan lebih ketat.

"Selain tarikan taman laut, kita juga mahu menjadikan Tioman sebagai syurga membeli-belah seperti yang ada di Pulau Langkawi dan antara kemudahan yang sedang dirangka ialah membina kompleks beli-belah dan mewujudkan lebih banyak bilik penginapan," katanya.

Setakat ini, Pulau Tioman memiliki 1,946 bilik penginapan, termasuk 596 bilik di hotel Berjaya Tioman Beach Resort. Hotel juga akan memajukan satu lagi projek pembangunan resort hotel dan pusat komersial di Teluk Bunut.

Berdasarkan Pelan Induk Pulau Tioman 1995, pulau itu mensasarkan penyediaan penginapan sehingga 5,500 bilik hotel dengan 50 peratus daripadanya adalah hotel bertaraf mewah, 30 peratus kos sederhana dan 20 peratus kelas ekonomi.

Bagaimanapun, perisytiharan Tioman sebagai pulau bebas cukai menyebabkan pelan induk itu tidak diguna pakai lagi, manakala pelan tempatan kawasan berkenaan yang dibuat bulan ini dan dijangka siap dalam tempoh 18 bulan.

Tioman dengan keluasan 13,360 hektar, diumumkan sebagai pulau bebas cukai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Januari lalu.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy, sebelum ini berkata status bebas cukai akan menjadikan Pulau Tioman lebih menarik kepada pelancong dan memberi faedah kepada penduduk tempatan.

Kadar kemasukan pelancong ke pulau itu meningkat daripada 185,000 pada 1999 kepada 200,000 pada 2000 dan 243,000 tahun lalu.

Pemberian taraf bebas cukai dibuat berikutan lulusnya lima akta berkaitan, iaitu Akta Kastam, Akta Cukai Perkhidmatan, Akta Cukai Jualan, Akta Eksais dan Akta Zon Bebas di Parlimen baru-baru ini.

Pulau Tioman mempunyai 3,201 penduduk yang mendiami beberapa perkampungan seperti Kampung Salang, Air Batang, Tekek, Genting, Mukut, Lanting, Nipah dan Juara.

Rata-rata penduduknya terbabit secara langsung dengan industri pelancongan, sama ada mengusahakan atau bekerja di chalet, resort, pengusaha bot pelancong atau mengendalikan kedai makanan.

Pengunjung yang berhasrat ke Pulau Tioman boleh menggunakan jalan laut atau udara, iaitu menggunakan feri atau bot pelancong di jeti Tanjung Gemok atau Mersing, Johor, atau menggunakan pengangkutan udara Berjaya Air.

Katanya, pembangunan yang bakal dicorakkan di pulau itu selepas ini akan menjurus ke arah menjadikan Tekek sebagai pusat bandar utama di Tioman dan tempoh lima tahun diberi untuk menjadikan Tioman dilengkapi kemudahan bebas cukai yang sama seperti di Langkawi dan Labuan.

Mengulas cadangan pembinaan lapangan terbang di Pulau Tioman, Mat Hashim berkata, beliau tidak mengetahui perancangan mengenainya yang dibuat pada peringkat Pusat tetapi berdasarkan kenyataan Perdana Menteri sebelum ini, beliau mahu lapangan sedia ada diperbesarkan laluanannya bagi membolehkan kapal terbang lebih besar mendarat.